

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1

## Semakan kadar pencen disaran ambil kira kedudukan ekonomi semasa, kos sara hidup

### Semakan kadar pencen disaran ambil kira kedudukan ekonomi semasa, kos sara hidup

Oleh **Irwan Shafrizan Ismail**  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Semakan kadar pencen pesara kerajaan perlu mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan kos sara hidup untuk membantu kumpulan sasaran yang tertekan dan daif berikutan bayaran sedia ada tidak mencukupi.

Demikian syor Persatuan Pesara Kerajaan dan Swasta (PEJASMA) selepas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kelmarin

memaklumkan, akan meneliti semula pindaan Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 yang diputuskan tidak sah dan batal oleh Mahkamah Persekutuan.

Presiden PEJASMA, Datuk Azih Muda meminta JPA dan Jabatan Peguam Negara (AGC), ketika membuat penelitian berkenaan, turut melihat mana-mana klausa dalam akta terbabit yang boleh dipinda bagi memastikan semakan pencen pesara kerajaan dapat dilakukan.

Beliau turut meminta dua jabatan itu memastikan semakan pencen mestilah tidak terikat dengan semakan gaji sektor awam.

"Pindaan pada Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen 1980 perlu dibuat kerana beban kos sara hidup, keadaan ringgit yang melemah selain kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR), inflasi dan sebagainya terus menekan rakyat.

**Nasional 4**